



## GEMPUR AKADEMIK SPM 2013

---

# MODUL B

# PRINSIP PERAKAUNAN

## Kertas 2

**Dua jam tiga puluh minit**

---

### JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. Kertas soalan ini mengandungi dua bahagian : **Bahagian A** dan **Bahagian B**.
2. Jawab **semua** soalan dalam **Bahagian A** dan **dua** soalan dalam **Bahagian B**.
3. Bersama dengan kertas soalan ini tiap-tiap calon diberi alat tulis perakaunan berikut:

Buku Tunai	1 helai
Jurnal	1 helai
Lejar	2 helai
4. Kekemasan dan ketepatan akan dipertimbangkan dalam pemberian markah.
5. Semua jalan kerja hendaklah ditunjukkan.
6. Mulakan tiap-tiap jawapan pada helaian yang baru.
7. Penggunaan kalkulator yang tidak boleh diprogramkan dibenarkan

Bahagian A  
[60 markah]

*Jawab semua soalan*

Nyatakan belanja bagi urusan di bawah sama ada "belanja modal" atau "belanja

1a) hasil"

Bil	Belanja	Jenis belanja
i	Beli van untuk kegunaan perniagaan	
ii	Belanja penyelenggaraan van	

[2 markah]

b) Berikut ialah kesilapan yang dapat dikesan dalam Perniagaan Anjung:

Mac 31 Belanja baiki kenderaan RM500 direkodkan dalam Akaun Kenderaan

Sediakan catatan dalam Jurnal Am untuk membetulkan kesilapan di atas.

(abaikan keterangan)

[2 markah]

c) Tandakan (✓) mengikut pengkelasan akaun yang betul pada lajur yang sesuai.

Butiran	Aset	Liabiliti	Ekuiti Pemilik	Hasil	Belanja
Faedah Simpanan Tetap					
Deposit Sewa					

[2 markah]

d) Berikut adalah petikan yang diambil daripada buku perakaunan Kelab Cinta Kasih.

	1 April 2012	31 Mac 2013
	RM	RM
Yuran tertunggak	-	400
Yuran terdahulu	200	-

**Penerimaan dalam Buku Tunai (petikan)**

Yuran ahli RM22 500

Anda dikehendaki menghitung nilai Yuran yang perlu dicatat dalam Akaun Pendapatan dan Perbelanjaan.

[2 markah]

e) Berikut adalah butiran penggajian Cik Anis

Gaji bulanan	RM 4 500
Elaun perumahan	RM 1 500
Caruman PERKESO	RM 50
Potongan Cukai Berjadual	RM 450

Hitung kan:

i) Gaji Kasar \_\_\_\_\_ [1 markah]

ii) Gaji Bersih \_\_\_\_\_ [1 markah]

- 2 Cik Jasmin merupakan pemilik Bintang Enterprise iaitu sebuah perniagaan milikan tunggal yang beroperasi di bandar Sungai Petani, Kedah. Berikut ialah maklumat yang diperoleh daripada buku-buku perniagaannya:

Imbangan Duga pada 31 Mac 2013

	RM	RM
Jualan		288 410
Pulangan-pulangan	1 300	2 260
Stok pada 1 April 2012	23 550	
Belian	139 440	
Alat tulis	1 103	
Angkutan masuk	2 165	
Sewa		2 700
Komisen		1 545
Gaji	25 600	
Insurans	7 200	
Faedah atas pinjaman	1 580	
Kadar bayaran	4 800	
Bangunan	150 000	
Alatan pejabat	52 300	
Kenderaan	88 000	
Penghutang & Pemiutang	15 000	15 850
Peruntukan hutang ragu		450
Hutang Lapuk	2 245	
Susut nilai terkumpul Alatan Pejabat		5 230
Susut nilai terkumpul Kenderaan		24 420
Tunai	2 620	
Bank		8 788
Modal		120 000
Ambilan	2 750	
Pinjaman		50 000
	519 653	519 653

Maklumat tambahan:

- i) Stok akhir pada 31 Mac 2013 bernilai RM13 433 pada harga kos dan RM15 513.
- ii) Komisen terakru RM280.
- iii) Sewa terdahulu RM300.
- iv) Gaji tahunan RM30 000.

- v) Insurans RM7 200 dibayar untuk setahun mulai 1 Jun 2012.
- vi) Faedah atas pinjaman 4% setahun. Pinjaman akan matang pada 30 Jun 2018.
- vii) Kadar susut nilai adalah seperti berikut :
  - Alatan Pejabat 10% setahun mengikut kaedah garis lurus.
  - Kenderaan 15% setahun mengikut kaedah baki berkurangan.
- viii) Peruntukan hutang ragu diselaraskan kepada 4% atas baki penghutang bersih.

**Anda dikehendaki menyediakan:**

- ( a )    Penyata Pendapatan bagi tahun berakhir 31 Mac 2013.            [14 markah]
- ( b )    Kunci kira-kira pada 31 Mac 2013.    [11 markah]

- 3a) Encik Ley , seorang peniaga runcit, tidak menyimpan akaun-akaunnya mengikut sistem catatan bergu. Berikut ialah butir-butir yang diambil daripada buku-bukunya pada 30 April 2013:

	<b>1 Mei 2012</b>	<b>30 April 2013</b>
	<b>RM</b>	<b>RM</b>
Stok	4 428	4 896
Lengkapan	5 760	?
Kenderaan	30 000	?
Penghutang	5 016	6 420
Pemiutang	5 138	5 858
Bank	2 052	8 302
Insurans terdahulu	-	160
Modal	42 118	?

**Maklumat tambahan:**

- (i) Pada 1 Januari 2013, Encik Ley telah membawa masuk perabot rumahnya RM1 150 ke dalam perniagaan.
- (ii) Pada tahun itu, beliau telah mengambil barang niaga berkos RM1 800 dan tunai RM800 untuk kegunaan keluarganya.
- (iii) Pada 30 April 2013, dia mendapati seorang penghutangnya telah muflis dan baki hutangnya RM220 dihapus kira sebagai hutang lapuk. Perkara ini belum direkodkan.
- (iv) Kenderaan disusutnilaikan 10% setahun.

**Anda dikehendaki menyediakan:**

- (i) Penyata mengira modal pada 30 April 2013. [5 markah]
- (ii) Penyata Untung Rugi bagi tahun berakhir 30 April 2013. [5 markah]

3b) Pada 1 Jan 2014, Puan Hidayah bercadang memulakan Perniagaan Organik Enterprise untuk memproses baja organik di Bandar Putera Durian Burung. Berikut ialah anggaran kewangan perniagaannya untuk tiga bulan berakhir 31 Mac 2014.

- (i) Memulakan perniagaan dengan tunai di bank RM37 000 dan mesin RM40 000.
- (ii) Penerimaan daripada penghutang untuk bulan:
  - Februari : RM50 000
  - Mac : RM45 000
- (iii) Pada bulan Februari perniagaan menjangkakan akan memperolehi pinjaman bank sebanyak RM80 000 selama 10 tahun. Bank mengenakan faedah sebanyak 5% setahun atas pinjaman asal. Bayaran balik pinjaman bermula bulan Mac
- (iv) Belian tunai dibuat setiap tiga bulan sekali. Belian bulan Januari RM42 000 dan dijangka meningkat kepada RM62 000 untuk belian berikutnya.
- (v) Belanja operasi RM5000 bagi bulan Januari dan meningkat 10% dari bulan sebelumnya untuk bulan Februari dan Mac
- (vi) Perniagaan bercadang membeli kenderaan berharga RM 65 000 pada bulan Februari. Deposit sebanyak RM 15 000 dibayar pada bulan Februari. Bayaran bulanan bermula bulan April

**Anda dikehendaki menyediakan** Belanjawan Tunai bagi 3 bulan berakhir 31 Mac 2014.

[15 markah]

Bahagian B  
[40 markah]  
*Jawab dua soalan sahaja*

- 4 Cik Shuba dan Puan Shinee ialah pemilik Perkongsian Shushi yang menjalankan perniagaan di Aman Jaya, Sg. Petani. Mereka berkongsi untung atau rugi perniagaan dengan nisbah 3 : 2. Pada 30 Jun 2013, mereka bersetuju membubarkan perkongsian kerana perniagaan mengalami kerugian. Berikut ialah aset dan liabiliti pada tarikh tersebut.

Kunci Kira-kira pada 30 Jun 2013

	RM		RM
Kenderaan	35 000	Modal Shuba	40 000
Lengkapan	14 000	Modal Shinee	25 000
Stok	4 135		
Penghutang	5 495	Akaun Semasa Shuba	2 495
Tunai	1 480		
Bank	18 790	Pemiutang	7 655
Akaun Semasa Shinee	1 250	Pinjaman	5 000
	80 150		80 150

**Maklumat tambahan:**

- i. Lengkapan dijual dengan harga RM11 500.
- ii. Kenderaan diambil alih oleh Shuba dengan nilai RM28 000.
- iii. Stok diambil alih oleh Shinee dengan harga RM2 100
- iv. Jumlah penghutang yang berjaya dikutip ialah RM5 000 dan bakinya dihapuskan sebagai hutang lapuk.
- v. Pemiutang telah dibayar sebanyak RM7 000 dan menerima diskaun sebanyak RM655.
- vi. Belanja realisasi ialah sebanyak RM1 800.
- vii. Bil elektrik berjumlah RM130 baru dijumpai pada 30 Jun 2013. Perkara ini belum diambil kira.
- viii. Pinjaman diambil alih oleh Shuba.
- ix. Semua urusan niaga dilakukan dengan menggunakan cek.

**Anda dikehendaki menyediakan:**

- a) Akaun Realisasi [7 markah]
- b) Akaun Modal setiap pekongsi (beruangan) [7 markah]
- c) Akaun Bank [6 markah]



- 5 Maklumat berikut diperolehi daripada buku perniagaan Kilang Batik Kasih di Kulim Kedah pada 30 Jun 2013

	RM	RM
Stok pada 1 Julai 2012 :		
Barang siap	8 886	
Bahan langsung	7 560	
Alat-alat kecil	1 850	
Kerja dalam proses	4 320	
Belian bahan langsung		33 300
Jualan barang siap		125 500
Bahan bakar kilang		1 444
Pulangan bahan langsung		478
Insurans		4 200
Kadar bayaran kilang		2 150
Bahan bungkusan		850
Gaji kerani pejabat		5 100
Sewa		6 300
Angkutan keluar		850
Gaji penyelia kilang		3 300
Alat tulis kilang		840
Duti import bahan langsung		630
Angkutan masuk bahan langsung		350
Upah operator pengeluaran		18 640
Mesin kilang		48 000
Susut nilai terkumpul mesin kilang		14 400
Belian alat-alat kecil		4 500
Belanja am kilang		2 180
Stok pada 1 Julai 2012 :		
Barang siap	8 990	
Bahan langsung	6 312	
Alat-alat kecil	5 100	
Kerja dalam proses	3 850	

**Maklumat tambahan:**

- (i) Alat tulis yang belum digunakan pada 30 Jun 2013 sebanyak RM20.
- (ii) Mesin disusutnilaikan 10% setahun mengikut kaedah garis lurus.
- (iii) Sebanyak 55% daripada belanja insurans adalah untuk kilang.
- (iv) Sewa dibahagikan antara kilang dan pejabat dengan nisbah 2:1.
- (v) Kadar bayaran kilang terakru sebanyak RM350.
- (vi) Belanja am kilang terdahulu sebanyak RM180.
- (vii) Angkutan masuk bahan langsung sebanyak RM50 telah tersalah catat dalam Angkutan keluar.

**Anda dikehendaki menyediakan:**

- a) Penyata kos pengeluaran bagi tahun berakhir 30 Jun 2013. [17 markah]
- b) Penyata pendapatan bagi tahun berakhir 30 Jun 2013. (sehingga untung kasar) [3 markah]

- 6a) Perniagaan Mas Anggun dan Perniagaan Din Cakna menjalankan perniagaan menjual pakaian di Alor Setar. Berikut adalah penyata kewangan perniagaan pada 31 Mei 2012.

Penyata Pendapatan bagi tahun berakhir 31 Mei 2012

	<b>Mas Anggun</b>	<b>Din Cakna</b>
Jualan	141 812	135 706
- Kos jualan	(120 180)	(109 440)
Untung kasar	<u>21 632</u>	<u>26 266</u>
- Belanja operasi	(5 960)	(7 318)
Untung bersih	<u><u>15 672</u></u>	<u><u>18 948</u></u>

Kunci Kira-kira pada 31 Mei 2012

	<b>Mas Anggun</b>	<b>Din Cakna</b>
Aset Bukan Semasa	83 870	99 821
Aset Semasa	21 548	21 502
- Liabiliti Semasa	(7 116)	(7 175)
<b>Modal kerja</b>	<u>14 432</u>	<u>14 327</u>
	<u><u>98 302</u></u>	<u><u>114 148</u></u>
Ekuiti Pemilik		
Modal Awal	82 630	95 200
+ untung bersih	<u>15 672</u>	<u>18 948</u>
Modal akhir	<u><u>98 302</u></u>	<u><u>114 148</u></u>

- (i) Anda dikehendaki menghitung bagi kedua-dua perniagaan:
- \* Tokokan
  - \* Pulangan atas modal
- (ii) Sekiranya anda ingin melabur, perniagaan manakah yang anda akan pilih?  
Nyatakan alasan anda.

[10 markah]

- 6 b) Perniagaan Ria Kencana adalah sebuah milikan tunggal yang menjalankan perniagaan di Mentaloon, Kedah. Berikut adalah kunci kira-kira perniagaan tersebut pada 1 September 2012.

Ria Kencana			
Kunci Kira-kira pada 1 September 2012.			
Perabot	3 200	Modal	15 200
Stok	3 100	Untung bersih	3 800
Penghutang	1 800		19 000
Bank	13 000		3 000
Tunai	900		
	22 000		22 000

Urus niaga dalam bulan September 2012 adalah seperti berikut:

- i) Membeli barang niaga RM5 600 secara kredit.
- ii) Membeli almari pejabat RM400 dibayar tunai.
- iii) Membayar pemiutang RM1 800 dengan cek dan terima diskaun RM100.
- iv) Mengeluarkan tunai RM250 untuk kegunaan anak.
- v) Menjual barang niaga RM1 000 secara kredit dan kosnya RM800.
- vi) Seorang penghutang muflis, dan hutangnya RM270 dihapuskan sebagai hutang lapuk.
- vii) Memulangkan barang kepada pemiutang RM320 kerana rosak.
- viii) Terima cek daripada penghutang RM500

Anda dikehendaki melengkapkan Jadual Persamaan Perakaunan dalam lampiran A.

(10 markah)

KERTAS SOALAN TAMAT

